



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (19)
Tarikh : 12 September 2025

Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 6 TAHUN 2025 MENGENAI PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN KEPADA STAF DAN FELLOW YANG BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH KEDOKTORAN (PHD) DALAM TEMPOH ATAU KURANG DARIPADA TEMPOH YANG DITETAPKAN DI DALAM PERJANJIAN CUTI BELAJAR DAN SKIM FELLOWSHIP UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 6 Tahun 2025 mengenai Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf Dan Fellow Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (Phd) Dalam Tempoh Atau Kurang Daripada Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship UMPSA yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali ke 63 Bil 3/2025 bertarikh 15 Ogos 2025 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Kompetensi dan Pengembangan Profesional, Pusat Pembangunan Bakat, Jabatan Pendaftar:

Puan Noranita binti Mohammad
Penolong Pegawai Tadbir
Tel : 09-431 6370 / E-mel : noranita@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)

Pengarah Kanan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT



SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Maklumat**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 6 TAHUN 2025

PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN KEPADA STAF DAN FELLOW YANG BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH KEDOKTORAN (PHD) DALAM TEMPOH ATAU KURANG DARIPADA TEMPOH YANG DITETAPKAN DI DALAM PERJANJIAN CUTI BELAJAR DAN SKIM FELLOWSHIP UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah berhubung dengan penambahbaikan Pekeliling Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf dan Fellow Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) Dalam Tempoh atau Kurang Daripada Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Dalam usaha memperkukuh budaya kecemerlangan akademik dalam kalangan staf dan fellow, pengiktirafan terhadap pencapaian luar biasa seperti penamatan pengajian di peringkat PhD dalam tempoh atau lebih awal daripada yang ditetapkan amatlah wajar. Pemberian insentif ini dilihat sebagai satu langkah strategik bagi menghargai komitmen serta dedikasi warga universiti dalam mencapai sasaran akademik dengan cemerlang, selaras dengan aspirasi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing dan berkualiti tinggi.

- 2.2 Pemberian insentif kecemerlangan kepada staf dan fellow yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam tempoh atau kurang daripada tempoh yang ditetapkan di dalam Perjanjian Cuti Belajar Universiti Malaysia Pahang ini setelah membuat perbandingan di antara kos sebenar pengajian dengan kadar bayaran insentif kecemerlangan yang dibayar dan mengambil kira perbandingan pemberian insentif kecemerlangan dengan Universiti Awam yang lain.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali ke 63 Bil 3/2025 bertarikh 15 Ogos 2025.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Memastikan komitmen staf dan fellow yang telah ditaja untuk melanjutkan pengajian sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan menggalakkan mereka untuk menamatkan pengajian dengan jayanya.
- 3.2 Memberi penghargaan kepada staf dan fellow yang berjaya menamatkan pengajian sebagaimana tempoh di dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- 3.3 Memperluaskan pemberian insentif ini kepada staf pentadbiran (Pengurusan dan Profesional) serta staf akademik (Pengurusan dan Profesional selain pensyarah) yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh atau lebih awal daripada tempoh kelulusan Cuti Belajar sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian mereka dan sebagai galakan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam kerjaya.

4.0 PEMBERIAN INSENTIF KECEMERLANGAN

Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf dan Fellow Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) Dalam Tempoh atau Kurang Daripada Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) adalah sebagaimana berikut:

i) Kategori Penerima Insentif Kecemerlangan

- 1) Staf Akademik (Pensyarah);
- 2) Staf Akademik (Pengurusan dan Profesional selain Pensyarah. Contoh: Guru Bahasa dan Pegawai Latihan Vokasional);
- 3) Skim Fellowship; dan
- 4) Staf Pentadbiran (Pengurusan dan Profesional).

ii) Kadar Insentif Kecemerlangan

KATEGORI INSENTIF	KADAR INSENTIF	
	Staf Akademik (Pensyarah) dan Skim Fellowship	Staf Pentadbiran (Pengurusan dan Profesional) dan Staf Akademik (Pengurusan dan Profesional selain Pensyarah)
Tamat dalam tempoh 36/42/48 bulan (asal)	RM3,000	RM1,500
Tamat 1 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM4,000	
Tamat 2 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM5,000	
Tamat 3 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM6,000	
Tamat 4 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM7,000	
Tamat 5 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM8,000	
Tamat 6 bulan awal dari tempoh kelulusan asal	RM9,000	

iii) Syarat dan Kelayakan

- 1) Telah disahkan tamat pengajian dengan jayanya oleh Universiti Pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA);

- 2) Tamat pengajian adalah merujuk kepada perkara berikut:
- a) Tarikh kelulusan Senat pengajian; dan
 - b) Memenuhi syarat tambahan tamat pengajian dengan jayanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti pengajian yang berkenaan.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling pentadbiran ini berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2025.

6.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 2 Tahun 2014: Pemberian Insentif Kecemerlangan Kepada Staf dan Fellow Yang Berjaya Menamatkan Pengajian Di Peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) Dalam Tempoh dan Kurang Daripada Tempoh Yang Ditetapkan Di Dalam Perjanjian Cuti Belajar dan Skim Fellowship Universiti Malaysia Pahang adalah dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh:

